



LAPORAN PASARAN HARTA

Property Market Report

2020



JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA
VALUATION AND PROPERTY SERVICES DEPARTMENT
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
MINISTRY OF FINANCE MALAYSIA

**LAPORAN PASARAN HARTA
2020**

***PROPERTY MARKET REPORT
2020***

**JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA MALAYSIA
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

***VALUATION AND PROPERTY SERVICES DEPARTMENT MALAYSIA
MINISTRY OF FINANCE MALAYSIA***

KANDUNGAN CONTENTS

GAMBARAN KESELURUHAN PASARAN HARTA DI MALAYSIA BAGI TAHUN 2020	<i>overview 1</i>
AN OVERVIEW OF THE MALAYSIAN PROPERTY MARKET IN 2020	

Jadual	I	Penunjuk Utama Ekonomi Malaysia.....	<i>overview 33</i>
Table		<i>Key Indicators of the Malaysian Economy</i>	
	II	Bilangan Transaksi Harta Mengikut Subsektor dan Lingkungan Harga	<i>overview 34</i>
		<i>Number of Property Transactions by Sub-Sector and Price Range</i>	
	III	Nilai Transaksi Harta Mengikut Subsektor dan Lingkungan Harga (RM Juta)	<i>overview 36</i>
		<i>Value of Property Transactions by Sub-Sector and Price Range (RM Million)</i>	
	IV	Bilangan Transaksi Harta Mengikut Negeri dan Tempoh Masa	<i>overview 38</i>
		<i>Number of Property Transactions by State and Time Period</i>	
	V	Nilai Transaksi Harta Mengikut Negeri dan Tempoh Masa (RM Juta).....	<i>overview 41</i>
		<i>Value of Property Transactions by State and Time Period (RM Million)</i>	
	VI	Bilangan Transaksi Harta Mengikut Kategori Pemberi dan Penerima Pindah Milik	<i>overview 44</i>
		<i>Number of Property Transactions by Category of Transferor and Transferee</i>	
	VII	Nilai Transaksi Harta Mengikut Kategori Pemberi dan Penerima Pindah Milik (RM Juta)	<i>overview 46</i>
		<i>Value of Property Transactions by Category of Transferor and Transferee (RM Million)</i>	
	VIII	Penawaran Unit Kediaman di Malaysia.....	<i>overview 48</i>
		<i>Supply of Residential Units in Malaysia</i>	
	IX	Penawaran Unit Kedai di Malaysia.....	<i>overview 49</i>
		<i>Supply of Shop Units in Malaysia</i>	
iv	X	Penawaran dan Penghunian Kompleks Perniagaan di Malaysia	<i>overview 50</i>
		<i>Supply and Occupancy of Shopping Complex in Malaysia</i>	
	XI	Penawaran dan Penghunian Pejabat Binaan Khas di Malaysia.....	<i>overview 51</i>
		<i>Supply and Occupancy of Purpose-Built Office in Malaysia</i>	
	XII	Penawaran Unit SOHO di Malaysia	<i>overview 52</i>
		<i>Supply of SOHO Units in Malaysia</i>	
	XIII	Penawaran Unit Pangsapuri Khidmat di Malaysia.....	<i>overview 53</i>
		<i>Supply of Serviced Apartment Units in Malaysia</i>	
	XIV	Penawaran Unit Industri di Malaysia.....	<i>overview 54</i>
		<i>Supply of Industrial Units in Malaysia</i>	
	XV	Bilangan Bilik Hotel	<i>overview 55</i>
		<i>Number of Hotel Rooms</i>	
	XVI	Bilangan & Prestasi Jualan Pelancaran Baru dan Bilangan & Nilai Unit Kediaman yang Tidak Terjual di Malaysia	<i>overview 56</i>
		<i>Number & Sales Performance of New Launches and Number & Value of Unsold Residential Units in Malaysia</i>	
	XVII	Bilangan Unit Kedai yang Tidak Terjual di Malaysia.....	<i>overview 57</i>
		<i>Number of Unsold Shop Units in Malaysia</i>	
	XVIII	Bilangan Unit Industri yang Tidak Terjual di Malaysia	<i>overview 58</i>
		<i>Number of Unsold Industrial Units in Malaysia</i>	
	XIX	Bilangan Unit SOHO yang Tidak Terjual di Malaysia	<i>overview 59</i>
		<i>Number of Unsold SOHO Units in Malaysia</i>	
	XX	Bilangan Unit Pangsapuri Khidmat yang Tidak Terjual di Malaysia.....	<i>overview 60</i>
		<i>Number of Unsold Serviced Apartment Units in Malaysia</i>	
		Catatan Teknikal	<i>overview 65</i>
		Technical Note	

GLOSARI GLOSSARY

% Pecahan	:	<i>% Breakdown</i>
% Perubahan	:	<i>% Change</i>
"Purata" Semua Rumah	:	<i>"Average" All Houses</i>
Ambilan Ruang	:	<i>Take-up Space</i>
Bandar	:	<i>Town</i>
Berkembar	:	<i>Semi-Detached</i>
Bilangan	:	<i>Number</i>
Bilangan Transaksi	:	<i>Number Of Transactions</i>
Bilangan Unit	:	<i>Number Of Units</i>
Blok Pejabat/Lot Pejabat	:	<i>Office Block/Office Lot</i>
Durian	:	<i>Durian</i>
Dusun	:	<i>Orchard</i>
Fasa	:	<i>Phase</i>
Getah	:	<i>Rubber</i>
Harga Purata	:	<i>Average Price</i>
Hektar	:	<i>Hectare</i>
Indeks Harga Semua Rumah	:	<i>All House Price Index</i>
Indeks Keyakinan Perniagaan	:	<i>Business Condition Index</i>
Industri	:	<i>Industrial</i>
Jenis	:	<i>Type</i>
Juta	:	<i>Million</i>
Kadar Ambilan	:	<i>Take-Up Rate</i>
Kadar Asas Pinjaman (BLR)	:	<i>Base Lending Rate (BLR)</i>
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	:	<i>Overnight Policy Rate (OPR)</i>
Kadar Penghunian Purata (pejabat/kompleks perniagaan)	:	<i>Average Occupancy Rate (office/shopping complex)</i>
Kadar Penginapan Purata (hotel)	:	<i>Average Occupancy Rate (hotel)</i>
Kadar Pinjaman Purata (ALR)	:	<i>Average Lending Rate (ALR)</i>
Kadar Pulangan Kasar Purata	:	<i>Average Gross Yield</i>
Kadar Serapan	:	<i>Absorption Rate</i>
Kawasan Sekunder Pusat Bandar	:	<i>Central Town Secondary Area</i>
Kawasan Sekunder Pinggir Bandar	:	<i>Suburban Secondary Area</i>
Kawasan Utama Pusat Bandar	:	<i>Central Town Prime Area</i>
Kawasan Utama Pinggir Bandar	:	<i>Suburban Prime Area</i>
Kedai	:	<i>Shop</i>
Kedai Industri	:	<i>Industrial Shop</i>
Kedai Sebelum Perang	:	<i>Pre-war Shop</i>
Kedai Tanpa Inap	:	<i>Lock-up Shop</i>
Kediaman	:	<i>Residential</i>
Kedudukan/lokasi	:	<i>Location</i>
Kelapa	:	<i>Coconut</i>
Kelapa Sawit	:	<i>Oil Palm</i>
Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)	:	<i>Gross Domestic Product (GDP)</i>
Kilang Berkembar/Gudang	:	<i>Semi-Detached Factory/Warehouse</i>

GLOSARI
GLOSSARY

Kilang Sesebuah/Gudang	: <i>Detached Factory/Warehouse</i>
Kilang Teres/Gudang	: <i>Terraced Factory/Warehouse</i>
Koko	: <i>Cocoa</i>
Kompleks	: <i>Complex</i>
Kompleks Industri/Unit	: <i>Industrial Complex/Unit</i>
Kompleks Perniagaan	: <i>Shopping Complex</i>
Kondominium	: <i>Condominium</i>
Kopi	: <i>Coffee</i>
Ladang	: <i>Estate</i>
Lingkungan Harga	: <i>Price Range</i>
Lingkungan Sewa Sebulan	: <i>Rental Range Per Month</i>
Lot Niaga Di Dalam Kompleks Perniagaan	: <i>Retail Lot In Shopping Complex</i>
Luas Lantai Purata	: <i>Average Floor Area</i>
Luas Tanah Purata	: <i>Average Land Area</i>
m.p. (Meter Persegi)	: <i>s.m. (Square Meter)</i>
Nilai	: <i>Value</i>
Nilai Pindah Milik	: <i>Value of Transactions</i>
Padi	: <i>Paddy</i>
Padi Dua Kali Setahun	: <i>Double Cropping Paddy</i>
Padi Sekali Setahun	: <i>Single Cropping Paddy</i>
Pajakan	: <i>Lease</i>
Pangsapuri	: <i>Apartment</i>
Paras Ambang	: <i>Threshold Level</i>
Pasaran Sewa	: <i>Rental Market</i>
Pecahan Lot	: <i>Subdivision of Lot</i>
Pedalaman	: <i>Interior</i>
Penawaran Akan Datang	: <i>Incoming Supply</i>
Penawaran Baru Dirancang	: <i>New Planned Supply</i>
Penawaran Dalam Perancangan	: <i>Planned Supply</i>
Penghunian (pejabat/kompleks perniagaan)	: <i>Occupancy (office/shopping complex)</i>
Penginapan (hotel)	: <i>Occupancy (hotel)</i>
Perniagaan/Perdagangan/Komersial	: <i>Commercial</i>
Pertanian	: <i>Agricultural</i>
Perubahan % Dari Tahun Ke Tahun	: <i>Year on Year % Change</i>
Perubahan Harga Purata	: <i>Average Price Change</i>
Perubahan Sewaan Purata	: <i>Average Rental Change</i>
Plot Kosong	: <i>Vacant Plot</i>
Plot Perniagaan	: <i>Commercial Plot</i>
Prestasi Jualan	: <i>Sales Performance</i>
Rumah Bandar	: <i>Townhouse</i>
Rumah Berkelompok/Kluster	: <i>Cluster House</i>
Rumah Kos Rendah	: <i>Low-Cost House</i>
Rumah Pangsa	: <i>Flat</i>
Rumah Pangsa Kos Rendah	: <i>Low-Cost Flat</i>

GLOSARI GLOSSARY

Saiz Sampel	: <i>Sample Size</i>
Sayur-sayuran	: <i>Vegetable</i>
Sesebuah	: <i>Detached</i>
Sewa	: <i>Rent</i>
Sewaan	: <i>Rental</i>
Sewaan Tingkat Bawah Kedai	: <i>Rentals of Ground Floor Shop</i>
Skim Perumahan Bertingkat Tinggi	: <i>High-Rise Residential Schemes</i>
Skim Perumahan Konvensional	: <i>Conventional Housing Schemes</i>
Stabil	: <i>Stable</i>
Stok Sedia Ada	: <i>Existing Stock</i>
Tahun Siap (dibina)	: <i>Year of Completion</i>
Taman Perindustrian Ringan	: <i>Light Industrial Park</i>
Tanah Adat Melayu	: <i>Malay Customary Land</i>
Tanah Kampung	: <i>Kampung Land</i>
Tanah Kosong	: <i>Vacant Land</i>
Tanah Pembangunan	: <i>Development Land</i>
Tanah Rezab Melayu	: <i>Malay Reservation Land</i>
Tarif	: <i>Tariff</i>
Tembakau	: <i>Tobacco</i>
Tempoh Kajian	: <i>Review Period</i>
Tempoh Sebelumnya/Sebelum ini	: <i>Preceeding Period</i>
Tempoh Yang Sama Tahun Lalu	: <i>Corresponding Period</i>
Teres	: <i>Terraced</i>
Berkelompok/Kluster	: <i>Cluster</i>
Tidak Didefinisikan (ND)	: <i>Not Definable (ND)</i>
Tidak Boleh Dipindah Milik	: <i>Not Transferable</i>
Tidak Diperolehi (NA)	: <i>NA (Not Available)</i>
Tingkat Bawah	: <i>Ground Floor</i>
Tingkat Bawah Tanah	: <i>Lower Ground Floor</i>
Trend / Aliran	: <i>Trend</i>
Trend / Aliran Menaik	: <i>Upward Trend</i>
Trend / Aliran Menurun	: <i>Downward Trend</i>
Belum Dibina Belum Terjual	: <i>Unsold Not Constructed</i>
Dalam Pembinaan Belum Terjual	: <i>Unsold Under Construction</i>
Mula Dibina	: <i>Starts</i>
Siap Dibina	: <i>Completion</i>
Siap Dibina Tidak Terjual	: <i>Overhang</i>

GAMBARAN KESELURUHAN *OVERVIEW*

1.0 GAMBARAN KESELURUHAN PASARAN HARTA TANAH

Ekonomi Malaysia menguncup 3.4% pada Q4 2020 berbanding penurunan, masing-masing sebanyak 2.6% dan 17.1% pada Q3 2020 dan Q2 2020, disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan di dalam negara sejak 18 Mac 2020 dan pelaksanaan semula Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di zon merah di beberapa negeri sejak pertengahan Oktober berikutan lonjakan jumlah bilangan kes Covid-19 di kawasan-kawasan ini. Bagi tahun 2020 secara keseluruhan, ekonomi menguncup sebanyak 5.6% berbanding pertumbuhan positif 4.3% pada tahun 2019. Prestasi tahun 2020 adalah yang terendah direkodkan selepas tahun 1998 (-7.4%).

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, Indeks Pengeluaran Perindustrian Malaysia (IPI) untuk tahun 2020 mencatatkan penurunan 4.2% berbanding tahun sebelumnya. Penurunan dipengaruhi oleh semua indeks; Indeks Perlombongan (-9.7%), indeks Elektrik (-3.7%) dan indeks Pembuatan (-2.6%).

Year	2019	Q1 19	Q2 19	Q3 19	Q4 19	2020	Q1 20	Q2 20	Q3 20	Q4 20
GDP	4.3%	4.5%	4.8%	4.4%	3.6%	-5.6%	0.7%	-17.1%	-2.6%	-3.4%

Pelaburan Langsung Asing (FDI) di Malaysia beralih ke aliran keluar RM0.8 bilion pada Q3 2020 setelah mencatat aliran masuk berterusan sejak 2010, disebabkan kredit perdagangan dan peluasan pinjaman yang diberikan oleh syarikat pembuatan multinasional. Dari segi kedudukan, FDI menurun kepada RM689.1 bilion pada akhir September 2020.

Kesan pandemik Covid-19 memberi kesan mudarat kepada sektor pelancongan negara pada 2020. Berdasarkan rekod yang dikeluarkan oleh Tourism Malaysia, negara mencatatkan sekitar 4.3 juta pelancong dari Januari hingga September 2020, turun dengan ketara sebanyak 78.6% berbanding 2019. Sejajar dengan itu, negara menerima sejumlah RM12.63 bilion kedatangan pelancongan, pengurangan 80.9% berbanding RM66.14 bilion yang diterima pada tahun lalu. Begitu juga, perbelanjaan per kapita menunjukkan penurunan 10.7% dari RM3,289.30 pada 2019 kepada RM2,938.40 pada tahun ini.

Di segmen harta tanah, terdapat dua langkah utama yang diperkenalkan oleh kerajaan untuk meningkatkan aktiviti pasaran harta tanah di bawah Bajet 2020:

1. Semakan semula tahun asas untuk Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) ke 1 Januari 2013 (asalnya 1 Januari 2000) untuk harta tanah yang diperolehi sebelum tarikh tersebut.

1.0 OVERVIEW OF THE PROPERTY MARKET

The Malaysian economy contracted by 3.4% in Q4 2020 as compared to the 2.6% and 17.1% contraction in Q3 2020 and Q2 2020 respectively, attributed to the implementation of Movement Control Order (MCO) in the country since 18 March 2020 and the imposition of Conditional Movement Control Order (CMCO) on several states with red zones since mid-October following a spike in the number of Covid-19 cases in these areas. For 2020 as a whole, the economy contracted by 5.6% as compared to a positive growth of 4.3% in 2019. The economic performance for 2020 was the lowest recorded after 1998 (-7.4%).

According to Department of Statistics Malaysia (DOSM), The Malaysia's Industrial Production Index (IPI) for the year of 2020 recorded a decline of 4.2% as compared to the previous year. The drop was influenced by all indices; Mining index (-9.7%), Electricity index (-3.7%) and Manufacturing index (-2.6%).

Foreign Direct Investment (FDI) in Malaysia switched to an outflow of RM0.8 billion in Q3 2020 after recording continuous inflow since 2010, due to trade credits and loans extension provided by multinational manufacturing companies. In terms of position, FDI decreased to RM689.1 billion as at end of September 2020.

The impact of Covid-19 pandemic was detrimental on the country's tourism sector in 2020. Based on the records released by Tourism Malaysia, the country recorded about 4.3 million tourists between January and September 2020, a mark decline of 78.6% compared to 2019. Correspondingly, the country received a total of RM12.63 billion in tourism receipts, a decrease of 80.9% compared to RM66.14 billion received last year. Similarly, the per capita expenditure showed a decline of 10.7% from RM3,289.30 in 2019 to RM2,938.40 this year.

In the property segment, there were two main measures initiated by the government aim to improve property market activities under Budget 2020:

1. *The revision of the base year for Real Property Gains Tax (RPGT) to 1 January 2013 (initially 1 January 2000) for property purchased before the date.*

- Pengurangan ambang harga bagi pembeli warga asing dari RM1 juta kepada RM600,000 bagi harta tanah bertingkat tinggi siap dibina tidak terjual di kawasan bandar. Sehubungan itu, beberapa negeri telah menyemak semula harga minima untuk pembeli warga asing.

Pandemik Covid-19 bukan hanya mempengaruhi pelbagai sektor ekonomi, tetapi juga aktiviti pasaran harta tanah, yang menyaksikan bilangan dan nilai transaksi menguncup pada Q2 2020. Pasaran harta tanah menunjukkan tanda-tanda pemulihan pada Q3 2020 berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) menjelang 10 Jun 2020 dan pelbagai rangsangan yang diberikan oleh kerajaan iaitu Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Pemulihan Ekonomi Jangka Pendek (PENJANA).

Bagi PRIHATIN, inisiatif kewangan yang diperkenalkan oleh kerajaan yang telah membantu mengurangkan kesan terhadap pasaran harta tanah meliputi:

- Moratorium pinjaman enam bulan secara automatik untuk peminjam individu dan SMEs dari 1 April 2020 yang berakhir pada 30 September 2020.
- Potongan Kadar Dasar Semalaman (OPR) dengan kumulatif 125 mata asas akan membantu menurunkan kos pinjaman; dengan itu, jumlah pembayaran balik bulanan juga menurun.

- The reduction of price threshold for foreign purchase from RM1 million to RM600,000 for unsold completed high-rise properties in urban areas. Consequently, several states have revised the minimum price for foreign purchase.*

Not only has the Covid-19 pandemic taken its toll on various sectors of the economy, but also on the property market activity, which saw volume and value of transactions contracted sharply in Q2 2020. The property market showed signs of recovery in Q3 2020 following the implementation of Recovery Movement Control Order (RMCO) by 10 June 2020 and various stimulus provided by the government, namely Prihatin Rakyat Economic Stimulus Package (PRIHATIN) and Short-term Economic Recovery Plan (PENJANA).

For PRIHATIN, the financial initiatives introduced by the government which have helped soften the impact on property market included:

- An automatic six-month loan moratorium for individual borrowers and SMEs from 1 April 2020 ending on 30 September 2020.*
- The Overnight Policy Rate (OPR) cut with a cumulative 125 basis points in 2020 would help lower the borrowing cost; thus, lower the monthly repayment amount.*

Date	Change in OPR (%)	New OPR Level (%)
3-Nov-20	0	1.75
10-Sep-20	0	1.75
7-Jul-20	-0.25	1.75
5-May-20	-0.5	2
3-Mar-20	-0.25	2.5
22-Jan-20	-0.25	2.75
5-Nov-19	0	3
12-Sep-19	0	3
9-Jul-19	0	3
7-May-19	-0.25	3
5-Mar-19	0	3.25
24-Jan-19	0	3.25

Source: Bank Negara Malaysia

Untuk PENAJNA, rancangan pemulihan yang berkaitan dengan harta tanah termasuk:

- Kempen Pemilikan Rumah (HOC) diperkenalkan semula - Pengecualian duti setem akan diberikan ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman bagi pembelian rumah kediaman yang

For PENJANA, a recovery plan which is related to property included:

- Reintroduction of Home Ownership Campaign (HOC) - Stamp duty exemption on the instruments of transfer and loan agreement for the purchase of residential homes priced between RM300,000 to*

bernilai melebihi RM300,000 hingga RM2.5 juta tertakluk kepada syarat pemberian diskaun sekurang-kurangnya 10% oleh pihak pemaju. Pengecualian duti setem ini adalah terhad kepada RM1 juta pertama harga rumah kediaman manakala pengecualian duti setem penuh diberikan pada perjanjian pinjaman yang berkuatkuasa untuk perjanjian jual beli yang ditandatangani antara 1 Jun 2020 hingga 31 Mei 2021.

2. Pengecualian CKHT diberikan kepada individu warganegara Malaysia ke atas pelupusan rumah kediaman yang dibuat mulai 1 Jun 2020 sehingga 31 Disember 2021. (Pengecualian ini dihadkan bagi pelupusan tiga (3) unit rumah kediaman sahaja).
3. Had pembiayaan bagi pinjaman untuk pembelian rumah yang ketiga dan seterusnya bernilai RM600,000 ke atas, tidak lagi tertakluk kepada 70% daripada nilai rumah semasa tempoh Program HOC, tertakluk kepada pengurusan risiko dalaman institusi kewangan.

(Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia)

Dari segi permintaan, jumlah permohonan pinjaman untuk pembelian harta tanah kediaman meningkat sebanyak 2.2% pada 2020 sementara jumlah kelulusan pinjaman menurun sebanyak 17.3%. Bagi harta tanah bukan kediaman, jumlah permohonan pinjaman dan jumlah kelulusan pinjaman masing-masing menurun sebanyak 30.0% dan 37.3%. Nisbah kelulusan pinjaman terhadap permohonan pinjaman untuk pembelian harta tanah kediaman dan bukan kediaman adalah 35.0% dan 33.6% pada 2020 berbanding 43.2% dan 37.5% pada 2019.

RM2.5 million subject to at least 10% discounts provided by the developer. The exemption on the instrument of transfer is limited to the first RM1 million of the home price while full stamp duty exemption is given on loan agreement effective for sales and purchase agreements signed between 1st June 2020 to 31st May 2021.

2. RPGT exemption for disposal of residential homes from 1st June 2020 to 31st December 2021 (This exemption is limited to the disposal of three (3) units of residential homes per individual).
3. The uplifting of the current 70 percent margin of financing limit applicable for the third housing loan onwards for property valued at RM600,000 and above, during the period of the HOC, subject to internal risk management practices of financial institutions.

(Source: Ministry of Finance Malaysia)

On the demand-side, the amount of loan application for residential property purchase increased by 2.2% in 2020 while the total loan approval decreased by 17.3%. For the non-residential property, the amount of loan application and total loan approval decreased by 30.0% and 37.3% respectively. The ratio of loans approvals against loans applications for the purchase of residential property and non-residential property stood at 35.0% and 33.6% in 2020 versus 43.2% and 37.5% in 2019.

Table 3

Loan Application and Loan Approval for Purchase of Residential

Purchase of Residential					
Year	Loan Application (RM Billion)	Loan Approval (RM Billion)	% Change Loan Application	% Change Loan Approval	Ratio Approval/ Application (%)
2011	186.79	95.16	12.2	13.0	50.9
2012	196.50	92.84	5.2	-2.4	47.3
2013	251.90	120.95	28.2	30.3	48.0
2014	233.50	122.90	-7.3	1.6	52.6
2015	213.80	103.55	-8.5	-15.7	48.4
2016	212.10	87.57	-0.8	-15.4	41.3
2017	239.81	101.52	13.1	15.9	42.3
2018	240.90	103.70	0.4	2.1	43.1
2019	260.77	112.57	8.3	8.6	43.2
2020	266.44	93.12	2.2	-17.3	35.0

Source: Bank Negara Malaysia

Table 4

Loan Application and Loan Approval for Purchase of Non-Residential

Purchase of Non-Residential					
Year	Loan Application (RM Billion)	Loan Approval (RM Billion)	% Change Loan Application	% Change Loan Approval	Ratio Approval/ Application (%)
2011	99.32	52.23	24.4	31.7	52.6
2012	99.95	51.36	0.6	0.3	52.4
2013	119.81	51.14	19.9	-2.3	42.7
2014	103.70	50.87	-13.4	-0.5	49.1
2015	91.02	38.65	-12.2	-24.4	42.3
2016	79.96	32.91	-12.1	-14.4	41.2
2017	86.04	31.12	7.6	-5.4	36.2
2018	96.93	35.15	12.7	12.9	36.3
2019	97.57	36.55	0.7	4.0	37.5
2020	68.34	22.96	-30.0	-37.2	33.6

Source: Bank Negara Malaysia

2.0 AKTIVITI PASARAN HARTA TANAH

Prestasi pasaran harta tanah mencatatkan penurunan ketara pada 2020 berbanding 2019. Sebanyak 295,968 transaksi bernilai RM119.08 bilion direkodkan, menunjukkan penurunan 9.9% dalam bilangan dan 15.8% dalam nilai berbanding 2019, yang merekodkan 328,647 transaksi bernilai RM141.40 bilion.

Bilangan transaksi semua subsektor menguncup secara mendadak pada 2020. Subsektor tanah kediaman, komersial, perindustrian, pertanian dan tanah pembangunan masing-masing mencatatkan penguncupan 8.6%, 21.0%, 24.0%, 10.7% dan 2.6%.

Dari segi nilai transaksi, subsektor kediaman, komersial, perindustrian dan tanah pembangunan masing-masing mencatatkan penurunan mendadak sebanyak 9.0%, 32.6%, 14.0% dan 34.0%, sedangkan pertanian mencatatkan sebaliknya, meningkat 0.6%.

Subsektor kediaman menerajui keseluruhan pasaran harta tanah, menyumbang 64.7% dalam bilangan. Ini diikuti oleh pertanian (20.7%), komersial (6.8%), tanah pembangunan dan lain-lain (6.2%) dan perindustrian (1.6%). Dari segi nilai, kediaman mendahului dengan 55.3% syer, diikuti oleh komersial (16.4%), perindustrian (10.7%), pertanian (10.5%) dan tanah pembangunan dan lain-lain (7.1%).

2.0 PROPERTY MARKET ACTIVITY

The property market performance recorded a significant decline in 2020 compared to 2019. A total of 295,968 transactions worth RM119.08 billion were recorded, showing a decrease of 9.9% in volume and 15.8% in value compared to 2019, which recorded 328,647 transactions worth RM141.40 billion.

Volume of transactions across the sub-sectors contracted sharply in 2020. The residential, commercial, industrial, agriculture and development land sub-sectors recorded contraction of 8.6%, 21.0%, 24.0%, 10.7% and 2.6% respectively.

In terms of value of transactions, residential, commercial, industrial and development land sub-sectors recorded sharp decline of 9.0%, 32.6%, 14.0% and 34.0% respectively, whereas agriculture recorded otherwise, increased by 0.6%.

The residential sub-sector led the overall property market, with 64.7% contribution in volume. This was followed by agriculture (20.7%), commercial (6.8%), development land and others (6.2%) and industrial (1.6%). In terms of value, residential took the lead with 55.3% share, followed by commercial (16.4%), industrial (10.7%), agriculture (10.5%) and development land and others (7.1%).

Chart 1

Overall Property Transactions Volume 2016 – 2020




Chart 2

Overall Value of Transactions 2016 – 2020





Chart 3

Contribution to Transaction Volume by Sub-sector 2020



2.1 Harta Kediaman

Transaksi

Terdapat 191,354 transaksi bernilai RM65.87 bilion direkodkan pada 2020, menurun 8.6% dalam bilangan dan 9.0% dalam nilai berbanding 2019 (209,295 transaksi bernilai RM72.41 bilion). Prestasi di seluruh negeri tidak memberangsangkan kerana semua negeri kecuali Perak dan Terengganu merekodkan penurunan dalam aktiviti pasaran. Mengikut negeri, Selangor menyumbang bilangan dan nilai tertinggi kepada syer pasaran nasional, dengan 23.0% dalam bilangan (44,034 transaksi) dan 33.0% dalam nilai (RM21.72 bilion). Bagi WP Kuala Lumpur, walaupun hanya merekodkan 10,606 transaksi, nilai transaksi adalah yang kedua tertinggi iaitu RM8.24 bilion, menyumbang 12.5% syer pasaran.


Trend penurunan di negeri-negeri utama iaitu WP Kuala Lumpur (-4.5%), Selangor (-15.3%), Johor (-19.9%) dan Pulau Pinang (-7.7%) menyebabkan penurunan keseluruhan subsektor. Keempat-empat negeri utama ini membentuk 46.8% daripada jumlah bilangan kediaman nasional.

Mengikut jenis, permintaan fokus pada rumah teres, membentuk sekitar 41.0% daripada keseluruhan bilangan transaksi kediaman, diikuti oleh plot kosong (16.2%), unit bertingkat tinggi (14.4%) dan rumah/flat kos rendah (11.6%).

Mengikut lingkungan harga, permintaan terus tertumpu pada RM300,000 dan ke bawah, merangkumi 61.7% daripada jumlah transaksi kediaman, diikuti oleh RM300,001 hingga RM500,000 (21.9%), RM501,000 - RM1,000,000 (12.7%) dan melebihi RM1,000,000 (3.7%).

Chart 4

Contribution to Transaction Value by Sub-sector 2020



2.1 Residential Property

Transaction

There were 191,354 transactions worth RM65.87 billion recorded in 2020, decreased by 8.6% in volume and 9.0% in value as compared with 2019 (209,295 transactions worth RM72.41 billion). Performance across the states was not encouraging as all states except Perak and Terengganu recorded declines in market activity. By state, Selangor contributed the highest volume and value to the national market share, with 23.0% in volume (44,034 transactions) and 33.0% in value (RM21.72 billion). As for WP Kuala Lumpur, though only recorded 10,606 transactions, the transaction value was the second highest at RM8.24 billion, contributing 12.5% market share.

The downward trend in major states namely WP Kuala Lumpur (-4.5%), Selangor (-15.3%), Johor (-19.9%) and Pulau Pinang (-7.7%) led to the overall decline in the sub-sector. These four major states formed 46.8% of the total national residential volume.

By types, demand focus on terraced houses, formed around 41.0% of the total residential transactions, followed by vacant plots (16.2%), high-rise units (14.4%) and low-cost houses/flats (11.6%).

By price range, demand continued to focus on RM300,000 and below, accounting for 61.7% of the total residential transactions, followed by RM300,001 to RM500,000 (21.9%), RM501,000 - RM1,000,000 (12.7%) and more than RM1,000,000 (3.7%).

Chart 5

Residential Transactions Volume 2016 – 2020





Chart 6

Residential Transactions Value 2016 -2020



Pelancaran Baharu

Oleh kerana kebanyakan pemaju menangguhkan pelancaran baharu untuk memberi tumpuan kepada penjualan stok yang belum terjual, pasaran utama menyaksikan unit pelancaran baharu yang lebih rendah. Sebanyak 47,178 unit dilancarkan pada 2020, berbanding hampir 60,000 unit pada 2019. Prestasi jualan adalah sederhana sebanyak 28.7% pada 2020, lebih rendah dari 2019 pada 40.4%.

Prestasi jualan yang rendah sebahagiannya adalah disebabkan oleh pasaran harta tanah yang lembap dan sentimen pembeli yang berhati-hati. Walaupun begitu, kebanyakan pemaju telah menggunakan strategi pemasaran baharu dengan menggunakan aplikasi laman web dan mudah alih untuk memasarkan produk mereka.

Mengikut negeri, WP Kuala Lumpur merekodkan jumlah bilangan pelancaran baharu tertinggi di negara ini, menguasai hampir 21.8% (10,295 unit) daripada jumlah nasional dengan prestasi jualan pada 18.6%. Selangor merekodkan kedua tertinggi (7,330 unit, 15.5% syer) dengan prestasi jualan pada 39.1%. Johor di tempat ketiga (5,913 unit, 12.5% syer) dengan prestasi jualan pada 29.3%.

Mengikut jenis, rumah teres menguasai pelancaran baharu. Teres satu tingkat (9,409 unit) dan 2-3 tingkat (10,944 unit) menyumbang 43.1% daripada jumlah unit, diikuti oleh unit kondominium/pangsapuri dengan 39.7% syer (18,717 unit).


New Launches

As most developers had deferred the new launches to focus on selling remaining unsold inventories, the primary market saw lesser release of new launches. There were 47,178 units launched in 2020, against nearly 60,000 units in 2019. Sales performance was modest at 28.7% in 2020, lower than 2019 at 40.4%.

The low sales performance was partly due to the sluggish property market and cautious buyers' sentiment. Nevertheless, many developers had adopted new marketing strategy by using website and mobile apps to market their products.

By state, WP Kuala Lumpur recorded the highest number of new launches in the country, capturing nearly 21.8% (10,295 units) of the national total with sales performance at 18.6%. Selangor recorded the second highest number (7,330 units, 15.5% share) with sales performance at 39.1%. Johor came third (5,913 units, 12.5% share) with sales performance at 29.3%.

By property type, terraced houses dominated the new launches. Single storey (9,409 units) and 2-3 storey (10,944 units) together contributed 43.1% of the total units, followed by condominium/apartment units at 39.7% share (18,717 units).



Status Pasaran

Kedua-dua siap dibina tidak terjual lebih baik daripada yang dijangkakan dengan 29,565 unit bernilai RM18.92 bilion direkodkan pada Q4 2020, berkurang 3.6% dalam bilangan. Walau bagaimanapun, nilai meningkat 0.5% berbanding Q4 2019 (30,664 unit bernilai RM18.82 bilion).

Johor kekal sebagai negeri yang mempunyai bilangan dan nilai tertinggi bagi unit siap dibina tidak terjual dalam negara dengan 7,030 unit bernilai RM5.48 bilion, masing-masing merangkumi 23.8% dan 29.0% daripada jumlah nasional. Ia diikuti oleh Selangor (4,889 unit), Perak (3,637 unit) dan WP Kuala Lumpur (3,023 unit). Dari segi nilai, yang kedua tertinggi ialah Selangor (RM4.29 bilion), diikuti WP Kuala Lumpur (RM2.92 bilion) dan Perak (RM1.16 bilion).

Mengikut jenis, kondominium/pangsapuri membentuk 51.9% (15,354 unit) daripada keseluruhan nasional, diikuti oleh rumah teres (28.1%; 8,306 unit).

Mengikut lingkungan harga, harta tanah dengan harga RM500,001 hingga RM1.0 juta membentuk 34.5% (10,199 unit) dari jumlah keseluruhan, lebih tinggi daripada 28.3% syer pada 2019. Rumah dalam lingkungan harga mampu milik di bawah RM300,000 berada di tempat kedua, merangkumi 29.6% (8,758 unit). Manakala, harga dalam lingkungan RM300,001 hingga RM500,000 membentuk 24.3% (7,185 unit) daripada jumlah bilangan diikuti oleh yang melebihi RM1.0 juta membentuk 11.6% syer (3,423 unit).

Manakala keadaan unit dalam pembinaan belum terjual dan belum dibina belum terjual bertambah baik kerana jumlahnya menurun kepada 71,735 unit (2019: 72,692 unit) dan 12,975 unit (2019: 16,774 unit), masing-masing turun sebanyak 1.3% dan 22.6%.

Market Status



The residential overhang situation was better than expected with 29,565 overhang units worth RM18.92 billion recorded in Q4 2020, reduced by 3.6% in volume. However, value increased by 0.5% against Q4 2019 (30,664 units worth RM18.82 billion).

Johor retained the highest number and value of overhang in the country with 7,030 units worth RM5.48 billion, accounting to 23.8% and 29.0% respectively of the national total. Selangor (4,889 units), Perak (3,637 units) and WP Kuala Lumpur (3,023 units) followed suit. In terms of value, the second highest was Selangor (RM4.29 billion), followed by WP Kuala Lumpur (RM2.92 billion) and Perak (RM1.16 billion).

By type, condominium/apartment formed 51.9% (15,354 units) of the national total overhang, followed by terraced houses (28.1%; 8,306 units).

By price range, those priced at RM500,001 to RM1.0 million formed 34.5% (10,199 units) of the total, higher than 28.3% share in 2019. Houses in the affordable price range of below RM300,000 came second, accounting for 29.6% (8,758 units). Meanwhile, price range between RM300,001 and RM500,000 formed another 24.3% (7,185 units) of the total and followed by more than RM1.0 million price range formed 11.6% share (3,423 units).

Meanwhile the unsold under construction and unsold not constructed improved as the numbers dropped to 71,735 units (2019: 72,692 units) and 12,975 units (2019: 16,774 units), declined by 1.3% and 22.6% respectively.



Aktiviti Pembinaan

Aktiviti pembinaan adalah perlahan kerana siap dibina, mula dibina dan penawaran baharu dirancang berkurang dengan ketara.

Siap dibina turun sebanyak 12.2% kepada 77,009 unit (2019: 87,731 unit). Namun demikian, Selangor, Melaka, Sarawak, Kelantan dan Perlis merekodkan siap dibina yang lebih tinggi, masing-masing meningkat 10.0%, 45.6%, 81.6%, 24.8% dan 127.9%. Selangor menyumbang bilangan siap dibina tertinggi, merangkumi 21.5% (16,594 unit) daripada jumlah nasional, diikuti oleh Johor (15.7%) dan Sarawak (11.8%).

Mula dibina berkurang 18.6% kepada 82,188 unit pada 2020 (2019: 100,908 unit), semua negeri kecuali Melaka, Kelantan dan Perlis merekodkan projek mula dibina yang lebih rendah. Begitu juga, penawaran baharu dirancang

Construction Activity

Construction activities remained on a low tone as completion, starts and new planned supply declined significantly.

Completions were down by 12.2% to 77,009 units (2019: 87,731 units). Nevertheless, Selangor, Melaka, Sarawak, Kelantan and Perlis recorded higher completion, increased by 10.0%, 45.6%, 81.6%, 24.8% and 127.9% respectively. Selangor contributed the highest number of completions, accounting for 21.5% (16,594 units) of the national total, followed by Johor (15.7%) and Sarawak (11.8%).


Starts reduced by 18.6% to 82,188 units in 2020 (2019: 100,908 units), all states except Melaka, Kelantan and Perlis recorded lower commencement of project. Likewise, new planned supply dropped by 20.5% to

menurun 20.5% kepada 71,725 unit (2019: 90,227 unit) walaupun WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya, Sarawak dan Kedah merekodkan penawaran baharu dirancang yang lebih tinggi berbanding 2019.

71,725 units (2019: 90,227 units) though WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya, Sarawak and Kedah recorded higher new planned supply against 2019.

Pada akhir 2020, terdapat hampir 5.85 juta unit kediaman sedia ada dengan lebih daripada 0.43 juta unit dalam penawaran akan datang dan hampir 0.43 juta unit dalam penawaran dirancang.

As at year-end 2020, there were nearly 5.85 million existing residential units with more than 0.43 million in the incoming supply and nearly 0.43 million in the planned supply.



Pergerakan Harga

Indeks Harga Rumah Malaysia (MHPI) berada pada 199.3 mata pada 2020 dengan pertumbuhan tahunan 0.6%, pertumbuhan terendah yang direkodkan sejak 2010. Semua negeri mencatatkan pertumbuhan tahunan pada 2020 kecuali WP Kuala Lumpur (-1.0%), Selangor (-0.7%), Pulau Pinang (-0.1%) dan Sabah (-1.3%). Johor menyaksikan pertumbuhan tahunan sederhana 2.5%. Indeks Harga Rumah Teras mencatat pertumbuhan tahunan 2.0% tetapi ia adalah yang terendah dalam dekad ini. Walau bagaimanapun, rumah bertingkat tinggi, berkembar dan sesebuah masing-masing menurun 0.8%, 0.6% dan 1.1%

Price Movements

The Malaysian House Price Index (MHPI) stood at 199.3 points in 2020 with a low annual growth of 0.6%, the lowest recorded since year 2010. All states recorded annual growth in 2020 except for WP Kuala Lumpur (-1.0%), Selangor (-0.7%), Pulau Pinang (-0.1%) and Sabah (-1.3%). Johor saw a moderate annual growth of 2.5%. Terraced House Price Index recorded an annual growth of 2.0% but it was the lowest in the decade. However, high-rise, semi-detached and detached houses dropped by 0.8%, 0.6% and 1.1% respectively.





Chart 12

MHPI: Point and Annual Changes in Major States 2010 - 2020^P



Sewa

Di WP Kuala Lumpur, sewa kediaman pada umumnya stabil dengan pertumbuhan marginal bagi rumah teres di lokasi terpilih. Di Selangor, pasaran sewa menggambarkan pergerakan bercampur-campur. Purata kadar pulangan kasar bagi rumah teres dan pangsapuri/kondominium di kawasan Lembah Klang masing-masing berada dalam lingkungan 2.9% hingga 3.1% dan 4.0% hingga 4.4%. Di Johor, pasaran sewa pada umumnya stabil dengan purata kadar pulangan kasar pada 3.6% untuk rumah teres dan 4.6% untuk pangsapuri/kondominium. Di utara, pasaran sewa di Pulau Pinang pada umumnya stabil untuk rumah teres sementara pangsapuri/kondominium menunjukkan trend aliran menurun.

Rental

In WP Kuala Lumpur, the residential rental was generally stable with marginal growth for terraced houses in selective locations. In Selangor, the rental market portrayed mixed movements. The average gross yields for terraced houses and apartments/condominiums in Klang Valley area were in the range of 2.9% to 3.1% and 4.0% to 4.4% respectively. In Johor, the rental market was generally stable with average gross yields at 3.6% for terraced houses and 4.6% for apartments/condominiums. Up north, Pulau Pinang rental market was generally stable for terraced houses whilst apartments/condominium charted downward trend.

2.2 Harta Komersial

Transaksi

Subsektor ini mencatatkan penurunan mendadak pada 2020 berbanding 2019. Terdapat 20,255 transaksi bernilai RM19.53 bilion direkodkan pada 2020, menurun 21.0% dalam bilangan dan 32.6% dalam nilai berbanding 2019 (25,654 transaksi bernilai RM28.99 bilion). Prestasi di seluruh negeri tidak memberangsangkan kerana semua negeri kecuali WP Putrajaya merekodkan penurunan aktiviti pasaran yang ketara. Mengikuti negeri, Selangor menyumbang bilangan dan nilai tertinggi syer pasaran nasional, dengan 23.6% dalam bilangan (4,779 transaksi) dan 27.8% dalam nilai (RM5.42 bilion), diikuti oleh WP Kuala Lumpur, dengan 15.2% dalam bilangan dan 24.5% dalam nilai (3,072 transaksi bernilai RM4.79 bilion) dan Johor dengan 14.9% dalam bilangan dan 14.6% dalam nilai (3,025 transaksi bernilai RM2.86 bilion).

2.2 Commercial Property

Transaction

The sub-sector recorded a sharp decline in 2020 compared to 2019. There were 20,255 transactions worth RM19.53 billion recorded in 2020, decreased by 21.0% in volume and 32.6% in value as compared with 2019 (25,654 transactions worth RM28.99 billion). Performance across the states was not encouraging as all states except WP Putrajaya recorded significant declines in market activity. By state, Selangor contributed the highest volume and value to the national market share, with 23.6% in volume (4,779 transactions) and 27.8% in value (RM5.42 billion), followed by WP Kuala Lumpur, with 15.2% in volume and 24.5% in value (3,072 transactions worth RM4.79 billion) and Johor with 14.9% in volume and 14.6% in value (3,025 transactions worth RM2.86 billion).

Chart 13

Commercial Transaction Volume 2016 - 2020





Chart 14

Commercial Transaction Value 2016 - 2020



2.2.1 Kedai

Transaksi

Segmen kedai merekodkan 10,477 transaksi bernilai RM8.5 bilion, mendominasi 51.7% daripada bilangan transaksi harta tanah komersial dan 43.5% daripada nilai keseluruhan. Prestasi pasaran mencatatkan penurunan ketara 21.1% dalam bilangan dan 24.7% dalam nilai (2019: 13,281 transaksi bernilai RM11.29 bilion).

Mengikut negeri, Johor menyumbang bilangan tertinggi di pasaran, dengan 17.7% (1,855 transaksi), diikuti oleh Selangor dengan 17.0% (1,777 transaksi). Dari segi nilai, Selangor mendahului pasaran dengan 25.9% dari keseluruhan nilai (RM2.2 bilion), diikuti oleh Johor dengan 17.8% (RM1.5 bilion).

Mengikut jenis, kedai dua hingga dua setengah tingkat adalah yang paling aktif, menguasai 52.3% (5,481 transaksi) di pasaran kedai, diikuti oleh tiga hingga tiga setengah tingkat, mencatatkan 27.7% syer (2,905 transaksi).

Status Pasaran

Keadaan siap dibina tidak terjual di segmen kedai tidak memberangsangkan. Bilangan terus meningkat kepada 6,904 unit dengan nilai RM5.65 bilion, meningkat 14.6% dalam bilangan dan 15.9% dalam nilai berbanding 2019. Walau bagaimanapun, senario unit dalam pembinaan belum terjual dan unit belum dibina belum terjual bertambah baik dengan bilangannya berkurang kepada 5,383 unit dan 203 unit, masing-masing menurun 13.6% dan 39.6%.

Mengikut negeri, Johor merupakan negeri tertinggi mempunyai unit siap dibina tidak terjual dengan 23.9% syer dalam bilangan dan 29.1% dalam nilai (1,652 unit bernilai RM1.64 bilion) dan unit belum dibina belum terjual dengan 37.1% syer (1,997 unit).

2.2.1 Shop

Transaction

Shop segment recorded 10,477 transactions worth RM8.5 billion, dominating 51.7% of the commercial property transactions volume and 43.5% of the total value. Market performance recorded a significant decrease of 21.1% in volume and 24.7% in value (2019: 13,281 transactions worth RM11.29 billion).

By state, Johor contributed the highest volume to the market share, with 17.7% (1,855 transactions), followed by Selangor with 17.0% (1,777 transactions). In term of value, Selangor led the market with 25.9% of the total value (RM2.2 billion), followed by Johor with 17.8% (RM1.5 billion).

By type, two to two and a-half storey shops were the most active, capturing 52.3% (5,481 transactions) of the shops' market share, followed by three to three and a-half storey shops, registering 27.7% share (2,905 transactions).


Market Status

Shop segment overhang situation was not encouraging. The numbers continued to increase to 6,904 units with a value of RM5.65 billion, up by 14.6% in volume and 15.9% in value against 2019. The unsold under construction and not constructed scenario however, improved with volume declined to 5,383 units and 203 units, down by 13.6% and 39.6% respectively.

By state, Johor was the highest shop overhang state with 23.9% share in volume and 29.1% in value (1,652 units worth RM1.64 billion) and the unsold under construction with 37.1% share (1,997 units).

Chart 15

Shop Market Status 2016 – 2020



Aktiviti Pembinaan


Dari segi penawaran, aktiviti pembinaan adalah perlahan seperti yang ditunjukkan oleh penguncupan siap dibina dan mula dibina, masing-masing menurun 22.8% (5,421 unit) dan 35.2% (3,294 unit). Sebaliknya, penawaran baharu dirancang meningkat 5.1% kepada 4,053 unit. Pada akhir tahun, terdapat lebih daripada 540,000 unit kedai sedia ada dengan lebih daripada 32,000 unit dalam penawaran akan datang dan hampir 33,000 unit dalam penawaran dirancang.

Construction Activity

On the supply front, construction activity was slow as indicated by the contraction in completion and starts, each down by 22.8% (5,421 units) and 35.2% (3,294 units) respectively. On the contrary, the new planned supply increased by 5.1% to 4,053 units. As at year-end, there were more than 540,000 existing shops with more than 32,000 units in the incoming supply and nearly 33,000 units in the planned supply.

Chart 16

Shops Construction Activity 2016 – 2020



Harga dan Sewa

Harga kedai secara amnya stabil dengan pergerakan bercampur-campur secara keseluruhannya. Di Johor, kedai dua tingkat di Bandar Indahpura, Kulai menyaksikan harga sederhana, turun 8.8% pada harga dalam lingkungan RM1.2 juta hingga RM1.5 juta. Kedai serupa di Taman Senai Utama merekodkan pertumbuhan satu digit pada harga dalam lingkungan RM300,000 hingga RM370,000. Di WP Kuala Lumpur, kedai tiga tingkat di

Price and Rental

Prices of shops were generally stable with mixed movements across the board. In Johor, two storey shops in Bandar Indahpura, Kulai saw prices softening, dropped by 8.8% at a price range of RM1.2 million to RM1.5 million. Similar shops in Taman Senai Utama recorded single-digit growth at a price range of RM300,000 to RM370,000. In WP Kuala Lumpur, three storey shops in Taman Tun Dr Ismail were

Taman Tun Dr Ismail dipindah milik pada harga RM4.0 juta hingga RM4.5 juta, turun 7.0%. Kedai serupa di Bandar Baru Sri Petaling dipindah milik pada harga RM3.5 juta hingga RM4.4 juta, meningkat sebanyak 6.2%. Di Selangor, kedai dua tingkat dan tiga tingkat di SS2 Petaling Jaya masing-masing dipindah milik pada harga RM2.2 juta dan RM2.5 juta, turun 9.8% bagi kedai dua tingkat. Di Kuala Lumpur, kedai-kedai tingkat bawah di lokasi utama menyaksikan kadar sewa sederhana. Kedai-kedai di Jalan Imbi dan Jalan Raja Laut masing-masing disewakan pada RM6,800 hingga RM9,500 sebulan dan RM11,000 hingga RM12,000 sebulan, menurun 6.3% dan 4.2%.

2.2.2 Pangsapuri Khidmat

Transaksi

Segmen pangsapuri khidmat merekodkan 3,869 transaksi bernilai RM2.54 bilion, membentuk 19.1% daripada bilangan transaksi harta tanah komersial dan 13.0% daripada nilai. Prestasi pasaran mencatatkan penurunan 7.6% dalam bilangan dan 11.7% dalam nilai transaksi (2019: 4,189 transaksi bernilai RM2.88 bilion). Mengikut negeri, WP Kuala Lumpur dan Selangor menyumbang bilangan pasaran nasional yang lebih tinggi kepada jumlah nasional, masing-masing dengan 42.0% syer (1,625 transaksi) dan 30.7% (1,189 transaksi).

Status Pasaran

Berbeza dengan situasi kediaman siap dibina tidak terjual, segmen pangsapuri khidmat dilihat sebaliknya. Siap dibina tidak terjual terus meningkat dan membentuk sebahagian besar daripada harta tanah siap dibina tidak terjual, mencatat sejumlah 23,606 unit dengan nilai RM20.76 bilion, meningkat 37.7% dalam bilangan dan 38.0% dalam nilai berbanding 2019 (17,142 unit dengan nilai RM15.04 bilion).

Mengikut negeri, Johor adalah negeri yang mempunyai pangsapuri khidmat siap dibina tidak terjual tertinggi dengan 69.7% syer dalam bilangan (16,442 unit) dan 72.1% dalam nilai (RM14.97 bilion); hampir semua unit siap dibina tidak terjual ini berada di Daerah Johor Bahru (16,341 unit). Mengikut harga, unit dalam lingkungan RM600,001 - RM1 juta (12,092 unit) membentuk 51.2%, diikuti oleh melebihi RM1 juta dengan 30.4% (7,173 unit) dan yang berharga RM600,000 dan ke bawah 18.4% (4,341 unit) daripada jumlah siap dibina tidak terjual.

Sementara itu, unit dalam pembinaan belum terjual dan belum dibina belum terjual meningkat kepada 35,258 unit dan 8,153 unit, masing-masing naik 4.2% dan 6.4%. WP Kuala Lumpur mempunyai bilangan dalam pembinaan belum terjual tertinggi, dengan 41.3% syer

transacted at RM4.0 million to RM4.5 million, dropped by 7.0%. Similar shops in Bandar Baru Sri Petaling were transacted at RM3.5 million to RM4.4 million, increased by 6.2%. In Selangor, two storey and three storey shops in SS2 Petaling Jaya was transacted at RM2.2 million and RM2.5 million respectively, dropped by 9.8% for two storey shop. In Kuala Lumpur, ground floor shops in prime location saw rental softening. Shops at Jalan Imbi and Jalan Raja Laut were tenanted at RM6,800 to RM9,500 per month and RM11,000 to RM12,000 per month, declined by 6.3% and 4.2% respectively.

2.2.2 Serviced Apartment

Transaction

Serviced apartment segment recorded 3,869 transactions worth RM2.54 billion, formed 19.1% of the commercial property transactions volume and 13.0% of the value. Market performance recorded a decrease of 7.6% in volume and 11.7% in value of transactions (2019: 4,189 transactions worth RM2.88 billion). By state, WP Kuala Lumpur and Selangor contributed higher national market volume to the national total, each with 42.0% (1,625 transactions) and 30.7% (1,189 transactions) market share.

Market Status

On the contrary to the residential overhang situation, serviced apartment segment saw the reverse. Overhang continued to increase and formed the bulk of the property overhang, recording a total of 23,606 units with a value of RM20.76 billion, up by 37.7% in volume and 38.0% in value against 2019 (17,142 units with a value of RM15.04 billion).

By state, Johor was the highest serviced apartment overhang state with 69.7% share in volume (16,442 units) and 72.1% share in value (RM14.97 billion); almost all of these overhang units were in Johor Bahru District (16,341 units). By price, those in the range of RM600,001 – RM1 million (12,092 units) formed 51.2%, followed by above RM1 million with 30.4% (7,173 units) and priced at RM600,000 and below 18.4% (4,341 units) of the total overhang.

Meanwhile, the unsold under construction and not constructed increased to 35,258 units and 8,153 units, up by 4.2% and 6.4% respectively. WP Kuala Lumpur held the highest number of unsold under construction, with 41.3% share in volume (14,573 units), followed by

dalam bilangan (14,573 unit), diikuti oleh Johor dengan 22.5% syer (7,937 unit) dan Selangor 19.4% (6,838 unit).

Johor with 22.5% share (7,937 units) and Selangor 19.4% (6,838 units).

Chart 17

Serviced Apartment Market Status





Chart 18

Chart 18 - Serviced Apartment Market Status in Major States 2020



Aktiviti Pembinaan


Dari segi penawaran, aktiviti pembinaan kurang aktif dalam tempoh kajian berbanding 2019. Siap dibina, mula dibina dan penawaran baharu dirancang masing-masing menurun sebanyak 58.7% (17,114 unit), 12.1% (29,761 unit) dan 44.2% (21,420 unit). Pada akhir tahun, terdapat 282,992 unit pangsapuri khidmat sedia ada dengan 132,818 unit dalam penawaran akan datang dan 168,028 unit dalam penawaran dirancang.

Construction Activity

On the supply front, construction activity was less active in the review period compared to 2019. Completion, starts and new planned supply declined by 58.7% (17,114 units), 12.1% (29,761 units) and 44.2% (21,420 units) respectively. As at year-end, there were 282,992 existing serviced apartments units with 132,818 units in the incoming supply and 168,028 units in the planned supply.

Chart 19

Serviced Apartment Construction Activity 2016 – 2020



Harga dan Sewa

Harga pangsapuri khidmat menunjukkan aliran arah yang stabil di seluruh negeri dengan penurunan disaksikan di lokasi tertentu. Di WP Kuala Lumpur, harga pangsapuri khidmat di pasaran sekunder pada amnya mengalami penurunan kerana unit yang baru siap dibina memasuki ke pasaran. Pangsapuri khidmat yang berharga melebihi RM1 juta seperti Solaris Dutamas dan The Troika KLCC masing-masing menurun 5.4% dan 5.0%. Pasaran sewa pada umumnya stabil di WP Kuala Lumpur manakala Selangor menggambarkan pergerakan bercampur. Purata kadar pulangan kasar di seluruh negeri adalah dalam lingkungan 2.3% hingga 5.3%.

2.2.3 Kompleks Perniagaan

Transaksi

Tahun ini mencatatkan lima transaksi kompleks perniagaan dengan jumlah nilai RM272 juta; setiap satu di Johor, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Sabah dan Selangor. Dua transaksi mempunyai perjanjian jual beli bertarikh tahun 2019 tetapi diserpurnakan pada tahun 2020. Ringkasan transaksi adalah seperti yang disenaraikan di bawah:

No	State	Name of Property	Location	Transaction Year	Consideration (RM)
1	Pulau Pinang	1st Avenue Mall	Jalan Magazine	2019	153,000,000
2	Johor	Mydin Mall	Tmn Rinting, Johor Bahru	2019	60,000,000
3	Negeri Sembilan	Giant Hypermarket	Bandar Dataran Segar, Port Dickson	2020	12,000,000
4	Sabah	Servay Hypermarket	Jalan Penampang, Penampang	2020	17,000,000
5	Selangor	Giant Hypermarket	Taman Sri Manja, Petaling	2020	30,000,000

Price and Rental

Prices of serviced apartments showed a stable trend across the states with downward trend witnessed in certain locations. In WP Kuala Lumpur, prices of secondary market serviced apartment were generally on a downward trend as more newly completed units came onto market. Serviced apartment priced at above RM1 million such as Solaris Dutamas and The Troika KLCC dropped by 5.4% and 5.0% respectively. The rental market was generally stable in WP Kuala Lumpur whilst Selangor portrayed mixed movements. Average gross rental yield across the states were in the range of 2.3% to 5.3%.

2.2.3 Shopping Complex

Transaction

The year recorded five shopping complex transactions with an accumulative worth of RM272 million; one each in Johor, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Sabah and Selangor. Two had its sale and purchase agreements dated in 2019 but concluded in 2020. The summary of transaction is as listed below:

Penghunian

Pada keseluruhannya prestasi kompleks perniagaan terus perlahan, merekodkan kadar penghunian 77.5%, menurun daripada 79.2% pada 2019. WP Kuala Lumpur dan Selangor masing-masing merekodkan kadar penghunian 82.0% dan 80.0%, manakala Johor dan Pulau Pinang masing-masing memperoleh purata kadar penghunian 74.9% dan 72.8%. Melaka dan Negeri Sembilan masing-masing mencatatkan kadar penghunian 63.3% dan 66.6%, kadar penghunian terendah dan kedua terendah di dalam negara.

Occupancy

The overall performance of shopping complex continued to soften, recording an occupancy rate of 77.5%, down from 79.2% in 2019. WP Kuala Lumpur and Selangor recorded 82.0% and 80.0% occupancy rate respectively, whereas Johor and Pulau Pinang managed to secure an average occupancy of 74.9% and 72.8% respectively. Melaka and Negeri Sembilan recorded an occupancy rate of 63.3% and 66.6% respectively, the first and second lowest occupancy in the country.

Chart 20

Supply & Occupancy of Shopping Complex 2016 – 2020





Chart 21

Supply & Occupancy of Shopping Complex by State



Aktiviti Pembinaan

Dari segi pembangunan, terdapat 13 kompleks yang siap dibina lengkap dengan Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC), menambah hampir 0.35 juta m.p. ruang niaga ke dalam pasaran pada 2020. Pada akhir tahun, terdapat sekitar 16.85 juta m.p. ruang niaga sedia ada daripada 1,050 kompleks perniagaan; sebahagian besarnya adalah pusat membeli-belah (556 bangunan: 12.61 juta m.p.).

Construction Activity

On the development front, there were 13 complexes completed with Certificate of Completion and Compliance (CCC), adding nearly 0.35 million s.m. of retail space into the market in 2020. As at year-end, there were around 16.85 million s.m. existing retail space from 1,050 shopping complexes; majority of which were shopping centres (556 buildings; 12.61 million s.m.).

Selangor mendominasi ruang niaga sedia ada dengan 153 kompleks perniagaan yang menawarkan 3.7 juta m.p. Di mana 42 kompleks lagi dengan 1.81 juta m.p. dalam penawaran akan datang dan 13 kompleks dengan 0.51 juta m.p. dalam penawaran dirancang. Kompleks perniagaan berikut siap dibina pada 2020:

Selangor dominated the existing retail space with 153 shopping complexes offering 3.7 million s.m. There were another 42 complexes with 1.81 million s.m. in the incoming supply and 13 complexes with 0.51 million s.m. in the planned supply. The following shopping complexes were completed in 2020:

State	Name of Complex	Location	NLA (s.m.)
WP Putrajaya	KL East Mall	Setapak	35,694
Selangor	Tropicana Garden Mall	Damansara	92,903
	KIP Mall Desa Coafields	Kuala Selangor	13,180
	Quayside Mall	Persiaran Rimbayu, Banting	27,871
Johor	B5 Johor Street Market	Johor Bahru	14,040
	Paragon Market Place	Johor Bahru	37,161
	Econsave Taman Teratai	Johor Bahru	8,698
Pulau Pinang	TF Mart @ Botanica	Bandar Baru Air Putih / Balik Pulau	7,432
Perak	Econsave Aulong	Taiping	5,589
Pahang	Mydin Mall Jengka	Bandar Tun Razak, Maran	26,864
Terengganu	KTCC Mall	Kuala Terengganu	42,369
Sarawak	La Peomenade Mall @ HSL Tower	Samarahan	8,241
	Boulevard Shopping Mall	Bintulu	24,817
TOTAL	13 complexes		344,859

Sewa

Sewa ruang niaga secara amnya stabil di Lembah Klang dengan pergerakan bercampur-campur di kompleks terpilih. Suria KLCC memperoleh lingkungan sewa bulanan tertinggi pada kadar RM458 s.m.p. hingga setinggi RM2,400 s.m.p. di aras concourse, mencatat kenaikan marginal dalam lingkungan 2.5% hingga 5.0% manakala sewa di The Garden Mall secara amnya stabil kecuali ruang niaga di aras 1 dan 3 yang memperoleh kadar sewa RM183 s.m.p. hingga RM323 s.m.p., masing-masing turun 2.3% dan 3.6%. Di Selangor, The Curve Mutiara Damansara menikmati purata pertumbuhan 5.0% dengan kadar sewa RM21.5 s.m.p. hingga RM422 s.m.p. manakala Puchong IOI Mall merekodkan pertumbuhan negatif dalam lingkungan 2.2% hingga 5.7% dengan kadar sewa RM65 s.m.p. hingga RM313 s.m.p.

Rental

Rentals of retail space were generally stable in Klang Valley with mixed movements in selected complexes. Suria KLCC fetched the highest rental range per month from RM458 p.s.m. to as high as RM2,400 p.s.m. at concourse level, charting marginal increase of 2.5% to 5.0% whilst rental at The Garden Mall was generally stable except retail spaces at levels 1 and 3, which obtained rental between RM183 p.s.m. and RM323 p.s.m., down by 2.3% and 3.6% respectively. In Selangor, The Curve Mutiara Damansara enjoyed average growth of 5.0% with rental ranging from RM21.5 p.s.m. to RM422 p.s.m. whilst Puchong IOI Mall recorded negative growth of 2.2% to 5.7% with rental ranging from RM65.p.s.m. to RM313 p.s.m.

2.2.4 Pejabat Binaan Khas

Transaksi

Lapan transaksi bangunan pejabat dengan nilai terkumpul RM1.16 bilion dicatatkan pada 2020. Ringkasan transaksi adalah seperti yang disenaraikan di bawah:

No	State	Name of Property	Location	Transaction Year	Consideration (RM)
1	WP Kuala Lumpur	Tower 7, Avenue 3	Bangsar South	2018	67,000,000
2	WP Kuala Lumpur	Menara Goucoland	Damansara Heights	2020	242,100,000
3	WP Kuala Lumpur	Menara Quill 6	Leboh Ampang	2020	200,000,000
4	WP Kuala Lumpur	Menara MIDF	Jalan Raja Chulan	2019	141,000,000
5	Selangor	Intan Square	Bandar Petaling Jaya	2019	27,500,000
6	Selangor	Pinnacle Sunway	Bandar Sunway	2020	450,000,000
7	Melaka	Wisma UTC	Bandar Melaka	2019	21,494,922
8	Sabah	Wisma Dixon	Kota Kinabalu	2020	10,500,000

Penghunian

Prestasi keseluruhan segmen pejabat kurang memberangsangkan kerana kadar penghunian keseluruhan menyusut kepada 80.2% pada 2020, turun daripada 80.6% pada 2019. Bangunan pejabat swasta mencatatkan purata kadar penghunian 73.9%; WP Kuala Lumpur dan Pulau Pinang masing-masing mencatatkan kadar penghunian 76.2% dan 79.8%, manakala Selangor dan Johor masing-masing mencatatkan 67.5% dan 62.8%, lebih rendah berbanding tahap nasional. Bangunan pejabat swasta di Putrajaya merekodkan kadar penghunian terendah di negara ini iaitu 39.1%.

2.2.4 Purpose-Built Office

Transaction

Eight office building transactions with an accumulated worth RM1.16 billion were recorded in 2020. The summary of transactions is as listed below:

Occupancy

The overall performance of office segment was less promising as the overall occupancy rate shrank to 80.2% in 2020, down from 80.6% in 2019. The private office buildings recorded average occupancy rate at 73.9%; WP Kuala Lumpur and Pulau Pinang recorded an occupancy rate of 76.2% and 79.8% respectively, whereas Selangor and Johor saw lower than national level at 67.5% and 62.8% respectively. Private office buildings in Putrajaya recorded the lowest occupancy rate in the country at 39.1%.

Chart 22

Supply & Occupancy of Purpose-Built Office (Private & Government) 2016 – 2020




Chart 23

Supply & Occupancy of Purpose-Built Office (Private & Government) by State 2020





Chart 24

Supply and Occupancy of Private Purpose-Built Office by State 2020



Aktiviti Pembinaan

Terdapat 11 siap dibina baharu menawarkan sejumlah ruang pejabat 448,152 m.p., lebih rendah berbanding dengan 2019 (21 siap dibina baharu; 576,179 m.p.). Pada akhir 2020, terdapat sejumlah 23.18 juta m.p. ruang pejabat sedia ada daripada 2,560 bangunan, manakala 2.51 juta m.p. lagi (50 bangunan) dalam penawaran akan datang dan hampir 0.32 juta m.p. (13 bangunan) dalam penawaran dirancang. WP Kuala Lumpur menguasai ketiga-tiga kategori penawaran, menyumbang 40.0% daripada keseluruhan ruang pejabat sedia ada dan 59.2% daripada keseluruhan ruang dalam penawaran akan datang. Bangunan pejabat berikut siap dibina pada 2020:

Construction Activity

There were 11 new completions offering a total office space of 448,152 s.m., lower compared to 2019 (21 new completions; 576,179 s.m.). As at end-2020, there was a total of 23.18 million s.m. existing office space from 2,560 buildings, while another 2.51 million s.m. (50 buildings) in the incoming supply and nearly 0.32 million s.m. (13 buildings) in the planned supply. WP Kuala Lumpur dominated all three categories of supplies, contributing 40.0% of the total existing office spaces and 59.2% of the total incoming supply spaces. The following office buildings were completed in 2020:

State	Name of Building	Location	Category	NLA (s.m.)
WP Kuala Lumpur	Menara Hap Seng 3	Jalan P Ramlee	Private Building	22,296
WP Putrajaya	Kompleks Pejabat Kerajaan (Fasa 1)	Presint 1	Government Building	122,603
	Kompleks Pejabat Kerajaan (Fasa 2)	Presint 1	Government Building	126,827
Selangor	Sumurwang Tower @ i-City Shah Alam	Shah Alam	Private Building	26,587
	Tropicana Gardens Corporate Office	Persiaran Tropicana, Petaling Jaya	Private Building	18,443
	MyIPO Tower /Menara 6	PJ Central Garden, Petaling Jaya	Government Building	56,917
Johor	Carnelian Tower	Forest City	Private Building	48,540
Perak	Menara Taiko	Ipoh	Private Building	6,850
Sarawak	HSL Tower (Office Suite)	Samarahan	Private Building	9,403
	Ibraco Corporation Building	Kuching	Private Building	6,411
	LHS Building	Kuching	Private Building	3,275
TOTAL	11 buildings			448,152

Harga dan Sewa

Harga lot pejabat berstrata secara umumnya stabil di seluruh negeri dengan beberapa pengecualian. Di WP Kuala Lumpur, harga lot pejabat berstrata di pasaran sekunder pada umumnya cenderung menurun kerana unit yang baru siap dibina memasuki pasaran. Harga lot pejabat berstrata di Menara Centara, Pusat Kepong Baru, Solaris Dutamas, Kiara 163, Phoenix Business Park, Menara Sunway Velocity, Menara MBMR dan Wisma Rampai turun 2.3% hingga 10.2%.

Pasaran sewa ruang pejabat secara keseluruhannya stabil dengan pergerakan minima bercampur-campur di bangunan terpilih. Ruang pejabat di Intermark, Kuala Lumpur mencatatkan lingkungan sewa bulanan sebanyak RM86.11 s.m.p. hingga RM118.40 s.m.p., menurun 6.5%. Sementara itu, ruang pejabat di 1 Sentral, KL Sentral disewakan pada RM54.90 s.m.p. hingga RM57.90 s.m.p. turun 10.3%. Di Selangor, sewa ruang pejabat secara amnya stabil dengan lingkungan sewa bulanan RM40 hingga RM50 s.m.p. kecuali ruang pejabat tingkat bawah/tingkat 1 di Damansara Uptown 1 & 2, disewakan RM96.90 s.m.p. hingga RM127.00 s.m.p. manakala ruang pejabat di aras 3 hingga 11, Damansara Uptown 1 disewakan pada kadar sewa bulanan RM51.67 s.m.p. hingga RM63.51 s.m.p., naik 9.4%.

2.2.5 Riadah

Transaksi

Enam transaksi hotel dan tiga resort direkodkan dalam tempoh kajian dengan nilai terkumpul sedikit lebih daripada RM351 juta. Ringkasan transaksi adalah seperti yang disenaraikan di bawah:

Price and Rental

Prices of stratified office lot was generally stable across the states with several exceptions. In WP Kuala Lumpur, prices of secondary market stratified office lot were generally on a downward trend as more newly completed units came onto market. Prices of stratified office lot in Menara Centara, Pusat Kepong Baru, Solaris Dutamas, Kiara 163, Phoenix Business Park, Menara Sunway Velocity, Menara MBMR and Wisma Rampai were down by 2.3% to 10.2%.

The office rental market was overall stable with minimal mixed movements in selected buildings. Office space in the Intermark, Kuala Lumpur recorded monthly rental range of RM86.11 p.s.m. to RM118.40 p.s.m, declined by 6.5%. Meanwhile, office space in 1 Sentral, KL Sentral were tenanted at RM54.90 p.s.m. to RM57.90 p.s.m., down by 10.3%. In Selangor, the office rental were generally stable with monthly rental range of RM40 to RM50 p.s.m. except for office spaces on the ground floor/level 1 in Damansara Uptown 1 & 2, ranging from RM96.90 p.s.m. to RM127.00 p.s.m. whilst office space at level 3 to 11, Damansara Uptown 1 were tenanted at monthly rental range of RM51.67 p.s.m. to RM63.51 p.s.m., up by 9.4%.

2.2.5 Leisure

Transaction

Six hotels and three resorts transactions were recorded in the review period with an accumulated worth of slightly more than RM351 million. The summary of transactions is as listed below:

No	State	Name of Property	Location	Transaction Year	Consideration (RM)
1	WP Kuala Lumpur	City Comfort Hotel	Jalan Pudu Lama	2020	30,000,000
2	WP Kuala Lumpur	Tune Hotel	Jln Tuanku Abdul Rahman	2019	45,590,000
3	Johor	Tune Hotel	Danga Bay, Johor Bahru	2019	16,450,000
4	Pulau Pinang	TH Hotel cum Kompleks Tabung Haji	Bayan Lepas	2020	89,664,230
5	Pahang	Hotel Shahzan Inn	Bukit Fraser	2019	8,000,000
6	Pahang	Genting Permai Resort	Bentong	2019	8,900,000
7	Pahang	Sempurna Resort	Kuantan	2020	6,000,000
8	Terengganu	TH Hotel	Kuala Nerus	2020	133,736,477
9	Perak	Pangkor Holiday Resort	Pasir Bogak, Manjung	2020	13,000,000

Aktiviti Pembinaan

Aktiviti pembinaan berada pada nada rendah kerana siap dibina, mula dibina dan penawaran baharu dirancang berkurang dengan ketara. Terdapat 19 hotel/resort baharu siap dibina pada 2020 yang menawarkan 1,363 bilik, menurun 65.4% berbanding 2019 dari segi bilik (2019: 24 hotel/ resort: 3,934 bilik). Mula dibina dan penawaran baharu dirancang masing-masing menguncup sebanyak 62.2% (2,030 bilik) dan 19.2% (1,956 bilik). Pada akhir 2020, terdapat 3,445 hotel/resort sedia ada di seluruh negara yang menawarkan 260,097 bilik, 128 hotel/resort lain (27,543 bilik) dalam penawaran akan datang dan 95 hotel/resort (18,737 bilik) dalam penawaran dirancang; kesemuanya didahului oleh WP Kuala Lumpur.

Hotel/resort siap dibina baharu pada 2020 seperti berikut:

Construction Activity

Construction activities was on a low tone as completion, starts and new planned supply declined significantly. There were 19 new hotels/resorts completed in 2020 offering 1,363 rooms, down by 65.4% against 2019 in terms of rooms (2019: 24 hotels/ resorts; 3,934 rooms). Starts and new planned supply contracted by 62.2% (2,030 rooms) and 19.2% (1,956 rooms) respectively. As at end-2020, there were 3,445 hotels/resorts across the country offering 260,097 rooms, another 128 hotels/resorts (27,543 rooms) were in the incoming supply and 95 hotels/resorts (18,737 rooms) at the planned supply stage; all led by WP Kuala Lumpur.

The newly completed hotels/resorts in 2020 as follows:

State	Name of Hotels/Resorts	Number of Rooms
Johor	Holiday Inn City Centre @JBCC	335
	Hotel @ Southkey City	268
	Maple Lodge Hotel, Batu Pahat	60
Perak	Lintang Square - Hotel, Kuala Kangsar	48
	Royale Hotel @ Batu Gajah	32
Pulau Pinang	Angsana Teluk Bahang Hotel	103
	Bahang Bay Hotel	160
	Ozo George Town	132
Terengganu	Ce Wer Chalet	35
	Chalet Singgah Sana	17
	Chalet Su	10
	Chalet Yunie	17
	Impiana Marang Chalet	11
	Maa Hari Hotel	25
	Marang Sunrise Guest House	15
	Qimi Chalet	12
	Raz Hotel	20
	Saudagar Beach Resort	40
	Semarak Bayu Resort	23
TOTAL	19 Hotels/Resorts	1,363

Penghunian

Menurut Tourism Malaysia, dari Januari hingga September 2020, purata kadar penghunian menurun kepada 31.6%, penurunan drastik sebanyak 26.9% berbanding 2019

Occupancy

According to Tourism Malaysia, from January to September 2020, the average occupancy rate dropped to 31.6%, a drastic drop of 26.9% compared to 2019 (58.5%).

(58.5%). Akibatnya, banyak hotel/resort ditutup sementara untuk mengurangkan kos operasi. Sementara itu, ada juga hotel/resort yang ditutup secara kekal untuk pembangunan semula, pengubahsuaian dan sebagainya.

Consequently, many hotels/resorts had been temporarily closed down to cut down the operating cost. Meanwhile, there were hotels/resorts had been permanently closed down for redevelopment, renovation, etc.

Table 5

Malaysia Average Occupancy Rates January – September 2019/2020

LOCALITY	2019	2020	DIFF
KUALA LUMPUR	60.6	26.7	-33.9
PUTRAJAYA	63.2	46.0	-17.2
SELANGOR	54.9	30.7	-24.2
PENANG	56.1	24.9	-31.2
PERAK	41.9	26.4	-15.5
KEDAH	56.4	27.6	-28.8
PERLIS	32.9	22.6	-10.3
NEGERI SEMBILAN	50.7	27.5	-23.2
MELAKA	51.9	21.6	-30.3
JOHOR	56.5	32.9	-23.6
PAHANG	79.0	41.8	-37.2
TERENGGANU	40.2	32.7	-7.5
KELANTAN	44.1	34.4	-9.7
SABAH	67.7	28.2	-39.5
LABUAN*	40.6	44.9	4.3
SARAWAK	44.6	26.3	-18.3
MALAYSIA	58.5	31.6	-26.9

Source: Tourism Malaysia (Based on Hotel Survey)

* Higher due to quarantine hotels

2.3 Harta Tanah Industri

Transaksi

Subsektor perindustrian merekodkan 4,758 transaksi bernilai RM14.85 bilion pada 2020. Berbanding 2019, aktiviti pasaran menurun 24.0% dalam bilangan dan 14.0% dalam nilai. Selangor terus menguasai pasaran, dengan 33.6% daripada jumlah bilangan negara, diikuti oleh Johor dan Sarawak, masing-masing dengan 13.5% dan 10.4% syer pasaran.

2.3 Industrial Property

Transaction

The industrial sub-sector recorded 4,758 transactions worth RM14.85 billion in 2020. Compared to 2019, the market activity decreased by 24.0% in volume and 14.0% in value. Selangor continued to dominate the market, with 33.6% of the nation's volume, followed by Johor and Sarawak, each with 13.5% and 10.4% market share.

Chart 25

Industrial Transactions Volume 2016 – 2020




Chart 26

Industrial Transactions Value 2016 – 2020



Status Pasaran


Unit industri siap dibina tidak terjual meningkat sedikit kepada 1,380 unit bernilai hampir RM2.19 bilion, naik 7.8% dalam bilangan dan 16.6% dalam nilai berbanding 2019. Manakala unit dalam pembinaan belum terjual dan belum dibina belum terjual masing-masing meningkat kepada 709 unit dan 72 unit, naik 10.4% dan 4.3%.

Mengikut negeri, Johor mempunyai sebahagian besar bilangan siap dibina tidak terjual, dengan 37.7% syer, diikuti oleh Sarawak (23.7%) dan Pulau Pinang (10.4%). Mengikut jenis, kilang teres dan berkembar membentuk sebahagian besar siap dibina tidak terjual, masing-masing dengan 41.6% dan 39.1% syer di dalam pasaran. Mengikut harga, yang melebihi RM1 juta membentuk 57.6% daripada jumlah keseluruhan unit siap dibina tidak terjual.

Market Status

The industrial overhang increased slightly to 1,380 units worth nearly RM2.19 billion, up by 7.8% volume and 16.6% in value against 2019. Meanwhile, the unsold under construction and not constructed increased to 709 units and 72 units, up by 10.4% and 4.3% respectively.

By state, Johor held most of the overhang, with 37.7% share, followed by Sarawak (23.7%) and Pulau Pinang (10.4%). By type, terraced and semi-detach units formed the bulk of the overhang, each with 41.6% and 39.1% share respectively. By price, those above RM1 million form 57.6% of the total overhang units.



Aktiviti Pembinaan


Dari segi pembinaan, subsektor perindustrian kekal dengan nada rendah kerana siap dibina, mula dibina dan penawaran baharu dirancang merekodkan penurunan mendadak. Siap dibina, mula dibina dan penawaran baharu dirancang masing-masing menurun 40.3%, 24.6% dan 45.4% kepada 491 unit, 546 unit dan 464 unit. Selangor menyumbang bilangan siap dibina tertinggi, menyumbang 36.5% daripada jumlah keseluruhan negara, diikuti Pulau Pinang (22.8%) dan Johor (22.2%). Pada akhir 2020, terdapat sedikit lebih daripada 118,000 unit industri sedia ada, sedikit lebih daripada 4,000 unit dalam penawaran akan datang dan hampir 7,000 unit dalam penawaran dirancang.

Construction Activity

On the construction front, the industrial sub-sector remain on a low tone as completion, starts and new planned supply recorded sharp decline. Completion, starts and new planned supply were down by 40.3%, 24.6% and 45.4% to 491 units, 546 units and 464 units respectively. Selangor contributed the highest number of completions, accounting for 36.5% of the national total, followed by Pulau Pinang (22.8%) and Johor (22.2%). As at end-2020, there were slightly more than 118,000 existing industrial units, slightly more than 4,000 units in the incoming supply and nearly 7,000 units in the planned supply.

Chart 28

Industrial Construction Activity 2019 - 2020



Harga

Harga harta tanah industri menunjukkan trend lebih stabil di seluruh negeri dengan trend menurun disaksikan untuk kilang teres. Di Selangor, teres dua tingkat di Taman Perindustrian Ringan Bukit Serdang dan SS25 Petaling Jaya masing-masing merosot 8.2% dan 7.1% kepada RM1.56 juta dan RM1.3 juta. Sebaliknya, plot industri kosong di Mukim Klang: Bandar Armada Putra, Taman Perindustrian Pulau Indah dan Taman Perindustrian Seri Alam masing-masing dipindah milik dengan harga RM580 s.m.p. hingga RM635 s.m.p., RM645 s.m.p. hingga RM725 s.m.p. dan RM1,121 s.m.p., meningkat 3.2%, 4.8% dan 7.8%. Peningkatan ini disebabkan oleh pertambahan permintaan terhadap gudang kerana pengembangan e-dagang.

Price

Prices of industrial property showed a more stable trend across the states with downward trend witnessed for terraced factory. In Selangor, double storey terraced in Bukit Serdang Light Industrial Park and SS25 Petaling Jaya declined by 8.2% and 7.1% to RM1.56 million and RM1.3 million respectively. On the contrary, vacant industrial plots in Mukim Klang: Bandar Armada Putra, Pulau Indah Industrial Park and Seri Alam Industrial Park were transacted at RM580 p.s.m to RM635 p.s.m., RM645 p.s.m. to RM725 p.s.m. and RM1,121 p.s.m., increased by 3.2%, 4.8% and 7.8% respectively. The increase could be attributed to growing demand for warehouse due to expansion of e-commerce.

2.4 Harta Pertanian

Transaksi

Subsektor pertanian merekodkan 61,326 transaksi bernilai RM12.50 bilion, menurun 10.7% dalam bilangan tetapi meningkat 0.6% dalam nilai berbanding 2019 (68,665 transaksi bernilai RM12.42 bilion). Subsektor ini berada di tempat kedua dari segi sumbangan kepada bilangan transaksi keseluruhan pasaran dengan 20.7% syer tetapi hanya menyumbang 10.5% syer dalam nilai transaksi.

Mengikut negeri, Perak dan Kedah menyumbang bilangan transaksi lebih tinggi kepada jumlah nasional, setiap negeri dengan 16.9% syer (Perak: 10,365 transaksi; Kedah: 10,348 transaksi). Dari segi nilai, Johor mendahului pasaran dengan 20.2%, diikuti oleh Pahang (16.5%).

Terdapat 54 transaksi tanah ladang bernilai RM2.51 bilion dicatatkan pada 2020. Masing-masing 16 di Sabah dan

2.4 Agriculture Property

Transaction

Agriculture sub-sector recorded 61,326 transactions worth RM12.50 billion, down by 10.7% in volume but up by 0.6% in value against 2019 (68,665 transactions worth RM12.42 billion). The sub-sector ranked second in terms of contribution to the overall market volume with 20.7% share whilst contributed only 10.5% share in transaction value.

By state, Perak and Kedah contributed higher market volume to the national total, each with 16.9% share (Perak: 10,365 transactions; Kedah: 10,348 transactions). In terms of value, Johor led the market with 20.2%, followed by Pahang (16.5%).

There were 54 estate land transactions worth RM2.51 billion recorded in 2020. Sixteen each in Sabah and

Pahang, lima di Perak, masing-masing empat di Johor dan Negeri Sembilan, masing-masing tiga di Kelantan dan Sarawak, dua di Kedah dan satu di Selangor. Darpada 54 transaksi, 24 tanah ladang dijual pada 2020, 26 dijual pada 2019 dan empat dijual pada 2018 tetapi disempurnakan pada 2020.

Pahang, five in Perak, four each in Johor and Negeri Sembilan, three each in Kelantan and Sarawak, two in Kedah and one in Selangor. Out of 54 transactions, 24 estate lands were sold in 2020, 26 were sold in 2019 and four were sold in 2018 but concluded in 2020.


Chart 29

Agriculture Transactions Volume 2016 – 2020



Chart 30

Agriculture Transactions Value 2016 – 2020



Harga

Harga tanah pertanian pada amnya stabil. Di Kedah, tanah sawah tanaman padi dua kali setahun di tepi jalan di Kubang Pasu dipindah milik dalam lingkungan RM245,000 hingga RM250,000 sehektar, tanah serupa di Kota Setar dipindah milik dalam lingkungan RM172,000 dan RM242,000 sehektar. Di Johor, tanah tanaman durian memperoleh harga lebih tinggi daripada RM245,000 sehektar hingga setinggi RM519,000 sehektar manakala tanah tanaman durian di Perak dipindah milik dalam lingkungan RM50,000 hingga RM380,000 sehektar.

Price

Prices of agriculture land were generally stable. In Kedah, road frontage double cropping paddy lands in Kubang Pasu were transacted between RM245,000 and RM250,000 per hectare, similar lands in Kota Setar were transacted between RM172,000 and RM242,000 per hectare. In Johor, durian lands fetched higher prices from RM245,000 per hectare to as high as RM519,000 per hectare whilst durian lands in Perak were transacted between RM50,000 and RM380,000 per hectare.

3.0 PROSPEK 2021

Berdasarkan keadaan semasa wabak Covid-19 yang berpanjangan dan jangkaan kesan terhadap ekonomi keseluruhan, prestasi pasaran harta tanah dijangka kekal perlahan dan lemah pada 2021. Bank Negara Malaysia meramalkan KDNK Malaysia akan meningkat dalam lingkungan 5.5% hingga 8.0 % pada 2021 manakala Bank Dunia meramalkan ekonomi Malaysia akan berkembang 6.7%.

3.0 2021 OUTLOOK

Based on the current prolonged Covid-19 pandemic and the foreseeable impact on the overall economy, the property market performance is expected to remain cautious and soft in 2021. Bank Negara Malaysia is forecasting the Malaysia’s GDP to grow within the range of 5.5% to 8.0% in 2021 while the World Bank is forecasting Malaysia’s economy to grow by 6.7%.

Namun begitu, kerajaan telah memperkenalkan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Pemulihan Ekonomi Jangka Pendek (PENJANA) pada 2020 serta Belanjawan 2021 untuk membantu mengurangkan kesan terhadap pasaran harta tanah.

Nevertheless, the government has introduced Prihatin Rakyat Economic Stimulus Package (PRIHATIN) and Short-term Economic Recovery Plan (PENJANA) in 2020 as well as Budget 2021 to help cushion the impact on property market.

Dari segi pembangunan infrastruktur, kerajaan telah memperuntukkan RM15 bilion untuk membiayai Lebuh raya Pan Borneo, Gemas-Johor Bahru Electrified Double-tracking Project and Klang Valley Double

On the infrastructure development front, the government has allocated RM15 billion to fund the Pan Borneo Highway, Gemas-Johor Bahru Electrified Double-tracking Project and Klang Valley Double Tracking Project Phase

Tracking Project Fasa 1 di bawah Belanjawan 2021. Di samping itu, beberapa projek utama akan diteruskan seperti Rapid Transit System (RTS) dari Johor Bharu ke Woodlands, Singapura dan MRT 3 di Lembah Klang. Perincian projek utama di bawah Belanjawan 2021 adalah seperti berikut:

Mega Infrastructure Project	Description	Status
Gemas-Johor Bahru electrified double-track	i) 192 km ii) West coast of Peninsular Malaysia	i) Under construction ii) Expected completion by 2022
Pan Borneo Highway	i) Sabah : 706 km ii) Sarawak : 1,077 km	i) Under construction ii) Expected completion by 2022/2023
Klang Valley Double-Track (KVDT) Phase 1	i) Phase 1A: Rawang – Simpang Batu] (SU) – 28 km ii) Phase 1B: Kuala Lumpur - Simpang Pelabuhan Klang (SPK) – 2.7 km	No information
Rapid Transit System (RTS)	i) Bukit Chagar, Johor Bahru – Woodlands, Singapore	i) To resume in 2021 ii) Expected completion by 2026
MRT 3	i) Klang Valley	i) Planning and development stage
KL-Singapore High Speed Rail (HSR)	ii) 350 km railway iii) Bandar Malaysia – Jurong East Singapore	Cancelled - according to the announcement by government in January 2021

Di samping itu, terdapat beberapa projek besar baharu bernilai kira-kira RM3.8 bilion yang akan dilaksanakan pada waktunya. Projek-projek ini diharap dapat mendorong pasaran harta tanah dan mengubah landskap pembangunan harta tanah. Projek tersebut adalah:

1. Projek Fasa 2 pembinaan jambatan Klang ke-3 di Selangor;
2. Meneruskan projek Central Spine Road di jajaran baharu di Negeri Kelantan dan Pahang;
3. Menaik taraf jambatan merentasi Sungai Marang;
4. Menaik taraf Jalan Persekutuan menghubungkan Gerik, Perak ke Kulim, Kedah;
5. Meneruskan projek Fasa 3 bagi membina dan menaik taraf Jalan litar Pulau Indah, Klang, Selangor;
6. Pembinaan Lebuhraya Pan Borneo Sabah bagi pakej dari Serusop ke Pituru; dan
7. Projek Jalan Pintasan Cameron Highlands, Pahang dengan penekanan langkah pemulihan alam sekitar.

Sementara itu, beberapa projek infrastruktur yang sedang berjalan tertangguh terutamanya kerana pandemik Covid-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat. Projek infrastruktur dalam pembinaan merangkumi:

1 under Budget 2021. In addition, several key projects will be continued such as Rapid Transit System (RTS) Link from Johor Bharu to Woodlands, Singapore and MRT 3 in Klang Valley. The details of the key projects under Budget 2021 are as follows:

In addition, there are several large new projects worth approximately RM3.8 billion which will be implemented in due time. These projects are expected to drive the property market and change the property development landscape. They are:

1. Construction of the Second Phase of the Klang Third Bridge in Selangor;
2. Continuing the Central Spine Project with the new alignment from Kelantan to Pahang;
3. Upgrading the bridge across Sungai Marang, Terengganu;
4. Upgrading of Federal Road connecting Gerik, Perak to Kulim, Kedah;
5. Building and upgrading phase of Pulau Indah, Klang Ringroad Phase 3, Selangor.
6. Construction of Pan Borneo Highway Sabah from Serusop to Pituru; and
7. Construction of Cameron Highlands Bypass road, Pahang with emphasis on preserving the environment.

Meanwhile, several on-going infrastructure projects have been delayed primarily due to the Covid-19 pandemic and implementation of Movement Control Order and Conditional Movement Control Order. The on-going infrastructure projects include:

Infrastructure project	Descriptions	Status / Commencement/ Completion Year
Damansara – Shah Alam Elevated Expressway (DASH)	i) 20 km highway ii) connecting Penchala Link, LDP, NKVE with Guthrie Corridor Expressway (GCE)	i) Delayed ii) Under construction iii) Expected completion by end 2021
Sungai Besi – Ulu Kelang Elevated Expressway (SUKE):	i) 24.4 km highway ii) Start in Sri Petaling and ending in Ulu Kelang	i) Delayed ii) Under construction iii) Expected completion by end 2021
East Klang Valley Expressway (EKVE)	i) 39.5 km highway ii) connecting Ukay Perdana, Ampang and Bandar Sungai Long, Kajang	i) Delayed ii) Under construction iii) Expected completion by end 2021
West Coast Expressway (WCE)	i) 233 km highway ii) Taiping (Perak) – Banting (Selangor)	i) Delayed ii) WCE line in Selangor expected completion by 2024
Setiawangsa – Pantai Expressway (SPE) (formerly known as DUKE3)	i) 29.8 km highway ii) KL City Bypass	i) Delayed – the original schedule was completion by 2020 ii) Expected completion by 2021
Lebuhraya Putrajaya -KLIA (MEX II)	i) 18 km highway extension from the existing Putrajaya MEX highway ii) Putrajaya – KLIA – KLIA2	i) Delayed – the original schedule was completion by 2020
East Coast Rail Link (ECRL)	i) 640 km railway ii) Kelantan- Terengganu- Pahang-Negeri Sembilan-Selangor-Putrajaya- Port Klang	i) Under construction ii) Realignment iii) Expected completion by 2026
MRT 2	Sungai Buloh – Putrajaya	i) Under construction ii) Expected completion by 2022
LRT 3	i) 37 km railway ii) Bandar Utama – Klang Selangor	i) Under construction ii) Expected completion by 2024

Bandar Malaysia, projek mega yang dijangka akan dimulakan pada bulan Jun 2021. Fasa pertama yang merangkumi beberapa menara pejabat, hotel, pangsapuri khidmat dan kediaman mewah akan dibangunkan selama empat tahun. Projek ekonomi nasional utama ini diharap dapat meningkatkan ekonomi Malaysia dan memacu pasaran harta tanah dalam jangka panjang.

Projek mega penting lain yang diharap dapat memberi kesan yang besar kepada pasaran harta tanah adalah pembangunan Kwasa Damansara oleh KWSP. Ia merangkumi komersial dan kediaman, lebih daripada 25,000 rumah termasuk 10,000 rumah mampu milik akan dibina.

Pasaran kediaman dijangka mengalami kenaikan perlahan pada separuh kedua tahun 2021. Tumpuan akan kekal pada segmen mampu milik. Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM1.2 bilion dana untuk menyediakan perumahan yang selesa dan berkualiti, terutama untuk golongan berpendapatan rendah, di bawah Belanjawan 2021 yang meliputi:

Bandar Malaysia, a significant mega-project is expected to commence construction by June 2021. The first phase comprising several Grade A office towers, hotels, serviced apartments and luxury residences, will be developed over four years. This prime national economic project is expected to boost the Malaysian economy and spur the property market in the long run.

Another significant mega-project which is expected to have significant impact on the property market is the development of Kwasa Damansara by EPF. It will comprise commercial and residential, more than 25,000 houses including 10,000 affordable houses will be built.

The residential market is expected to see a slow uptick in the second half of year 2021. The focus would remain on affordable segment. Government has allocated a total of RM1.2 billion fund for providing comfortable and quality housing, especially for the low-income group, under Budget 2021 which include:

1. RM500 juta untuk membina 14,000 unit rumah kos rendah di bawah Program Perumahan Rakyat.
2. RM315 juta untuk pembinaan 3,000 unit Rumah Mesra Rakyat oleh Syarikat Perumahan Nasional Berhad.
3. RM125 juta untuk penyelenggaraan perumahan berstrata kos rendah dan sederhana rendah serta bantuan untuk memperbaiki rumah yang buruk dan yang rosak akibat bencana alam; dan
4. RM310 juta untuk Program Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM).

Pada masa yang sama, pelbagai insentif dimulakan oleh kerajaan untuk mempromosikan pemilikan rumah, terutama untuk pembeli pertama kali, yang meliputi:

1. Pengecualian duti setem penuh pada instrumen pindah milik dan perjanjian pinjaman untuk pembeli rumah pertama akan dilanjutkan sehingga 31 Disember 2025. Pengecualian ini berkuat kuasa untuk penjualan dan pembelian yang dilaksanakan dari 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2025.
2. Pengecualian Duti Setem pada perjanjian pinjaman dan instrumen pindah milik yang diberikan kepada kontraktor penyelamat dan pembeli rumah asal dilanjutkan selama lima tahun. Pengecualian ini berkesan untuk perjanjian pinjaman dan instrumen pindah milik yang dilaksanakan dari 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2025 untuk projek perumahan terbengkalai yang diperakui oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).
3. Kerajaan akan bekerjasama dengan institusi kewangan terpilih untuk menyediakan Skim Sewa untuk Milik. Program ini akan dilaksanakan sehingga tahun 2022 yang melibatkan 3,000 unit rumah PR1MA dengan nilai keseluruhan lebih daripada RM1 bilion.

2020 adalah tahun yang mencabar bukan sahaja bagi harta tanah kediaman tetapi juga untuk subsektor komersial. Prestasi runcit secara keseluruhan perlahan sejak beberapa tahun kebelakangan dan keadaan bertambah buruk pada 2020 kerana wabak tersebut. Giant keluar daripada pasaran Sarawak dan Sabah dengan memindahkan kedai kepada pemain tempatan, Robinson Department Store menutup operasinya secara kekal di Malaysia ketika dua kedai yang terletak di The Gardens Mall dan Four Seasons Place ditutup. Industri hotel paling teruk dilanda pada 2020. Penutupan sempadan antarabangsa, larangan pergerakan antara daerah dan pergerakan antara negeri dalam usaha membendung penyebaran virus, banyak hotel ditutup, taman hiburan ditutup sementara perjalanan percutian berhenti.

1. RM500 million to build 14,000 units low cost housing under Program Perumahan Rakyat.
2. RM315 million for the construction of 3,000 units of Rumah Mesra Rakyat by Syarikat Perumahan Nasional Berhad.
3. RM125 million for the maintenance of low cost and medium-low stratified housing as well as assistance to repair dilapidated houses and those damaged by natural disasters; and
4. RM310 million for the Malaysia Civil Servants Housing Program (PPAM).

At the same time, various incentives are initiated by the government to promote home ownership, especially for first-time buyers, which include:

1. Full stamp duty exemption on instruments of transfer and loan agreement for first-time home buyers will be extended until 31 December 2025. This exception is effective for sale and purchase executed from 1 January 2021 to 31 December 2025.
2. Stamp Duty exemption on loan agreement and instruments of transfer given to rescuing contractors and the original house purchasers is extended for five years. This exemption is effective for loan agreements and instruments of transfer executed from 1 January 2021 to 31 December 2025 for abandoned housing projects certified by Ministry of Housing and Local Government (KPKT).
3. The Government will collaborate with selected financial institutions to provide a Rent-to-Own Scheme. The program will be implemented until 2022 involving 3,000 units PR1MA houses with a total value of more than RM1 billion.

2020 was a challenging year for the residential property but also for commercial sub-sector. The overall retail performance has been sluggish in past years and the situation was worsened in 2020 due to the pandemic. Giant exited Sarawak and Sabah market by transferring the stores to local players, Robinson Department Store permanently shut down its operations in Malaysia as two stores located at The Gardens Mall and Four Seasons Place closed down. The hotel industry was the worst hit in 2020. The closure of international borders, inter-district as well as interstate movements restriction in an effort to stem the spread of the virus, many hotels shuttered, amusement and theme parks closed while leisure travel ceased.

Segmen harta tanah ruang niaga, pejabat dan hotel dijangka kekal rata pada separuh pertama 2021. Segmen ruang niaga akan terus menghadapi persaingan sengit daripada platform membeli-belah dalam talian apabila gaya hidup berubah. Selain itu, lebih banyak pusat membeli-belah baru dijangka akan siap dibina dan memasuki ke pasaran ruang niaga, yang akan mendorong peningkatan pesaingan di antara pemilik pusat membeli-belah untuk menarik penyewa dan pembeli. Pusat membeli-belah kejiranan yang dihuni oleh kedai-kedai yang menyediakan produk dan perkhidmatan penting dan asas cenderung berprestasi lebih baik dan pulih lebih cepat berbanding dengan pusat membeli-belah yang memberi tumpuan kepada penawaran mewah, sementara itu prestasi kompleks perniagaan yang berfokus pada pelancong akan sangat bergantung pada bila masa sempadan antarabangsa dibuka.

Segmen pejabat diramalkan akan terus berada di bawah tekanan pada tahun 2021. Oleh kerana bekerja dari rumah menjadi norma baru, ada kemungkinan permintaan yang lebih sedikit untuk ruang pejabat. Ini boleh menyebabkan keadaan penawaran berlebihan, kekosongan yang tinggi dan tekanan sewa yang semakin menurun. Akibatnya, bangunan pejabat yang terjejas mungkin memerlukan pilihan lain yang mungkin iaitu penukaran ke penggunaan lain seperti institusi pengajian tinggi, asrama dan lain-lain.

Bagi segmen hotel, pelancaran Dasar Pelancongan Nasional (DPN) 2020-2030 pada bulan Disember 2020, yang bertujuan untuk memastikan kesinambungan industri pelancongan negara, mungkin dapat memberikan harapan kepada segmen tersebut. Inisiatif ini dapat menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan di peringkat global, dengan syarat program vaksinasi nasional dilancarkan dengan berkesan dan perjalanan melintasi sempadan dibenarkan.

Di segmen pangsapuri khidmat, keadaan siap dibina tidak terjual dan dalam pembinaan belum terjual akan tetap menjadi perhatian di pasaran harta tanah pada 2021 kerana jumlah bilangannya terus meningkat pada 2020 dan kemungkinan tidak akan diserap dalam waktu terdekat.

